

21/09/2000

Fungsi universiti wajar dikaji semula

SUDAH sampai masanya fungsi universiti dikaji semula sesuai dengan perubahan zaman terutama bagi menghadapi cabaran alaf baru ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuka gelanggang dengan mengusulkan fungsi universiti dilihat semula, supaya mereka yang terbabit dalam bidang pendidikan negara mula memikirkan apa yang seharusnya dilakukan. Kini banyak perubahan mendadak yang perlu dilalui. Ia turut memberi kesan kepada sistem pendidikan dari peringkat asas hinggalah ke peringkat tinggi. Oleh itu, banyak pengubahsuaian perlu dilakukan supaya ia terus memberi peranan bermakna kepada negara yang menghadapi berbagai-bagai cabaran baru.

Salah satu aspek yang perlu dititikberatkan dalam melihat fungsi universiti ialah sejauh mana IPT dapat memenuhi keperluan untuk membangunkan negara sama ada dari segi menyediakan sumber tenaga profesional, berkemahiran dan berilmu serta membantu mewujudkan suasana sosio, ekonomi dan politik yang sihat. Sudah tentulah, setiap universiti perlu diberi penekanan untuk mengeluarkan graduan cemerlang yang matang pemikiran dan tidak terdorong kepada unsur negatif.

Dalam konteks pencapaian pelajar Bumiputera yang masih ketinggalan berbanding kaum lain pihak universiti juga seharusnya melihat bagaimana prestasi mereka boleh dipertingkatkan seiring dengan pencapaian kaum lain. Demikian juga pelajar Bumiputera tidak tertumpu di bidang sastera semata-mata manakala supaya lebih ramai daripada mereka boleh menyertai bidang sains, perubatan, perakaunan, teknologi maklumat dan sebagainya. Malah, di universiti di luar negara hari ini, pelbagai jurusan baru sudah pun mula diajar yang rakyat Malaysia seharusnya tidak boleh ketinggalan.

Ada baiknya Dr Mahathir mencetuskan idea supaya fungsi universiti itu dikaji semula sekarang, sebelum arus perubahan dalam era globalisasi ini mula mencengkam. Dengan persediaan lebih awal, negara boleh menghadapi apa juga cabaran yang mendatang. Sementara pakar melihat semula fungsi universiti, pelajar Melayu harus melihat ke dalam diri sendiri, bagaimana mereka harus menjadi pelajar cemerlang dan rakyat yang dapat memberi sumbangan positif kepada kemajuan negara.

Ketika di kampus tugas mereka adalah untuk mendapatkan sebanyak mungkin ilmu sebagai bekalan untuk memimpin negara pada masa akan datang. Sebagai pelajar, mereka tidak seharusnya memikirkan soal di luar bidang pengajian yang tidak mungkin boleh memberi faedah kepada diri malah boleh pula menjejaskan prestasi pembelajaran mereka.

Sesungguhnya, peluang untuk menjadikan universiti di negara ini sebagai pusat kecemerlangan paling berprestij adalah terbuka luas sekiranya ia digunakan dengan sebaik-baiknya. Adalah diyakini perubahan yang akan berlaku di universiti kelak, Malaysia bukan saja dapat mengikuti apa juga perubahan yang berlaku di dunia, malah menjadi sumber inspirasi kepada universiti lain di dunia.

(END)